



Kertas Model UPSR

Penulisan (Bahagian A)

1. Ahmad dan rakan sekelasnya sedang membersihkan kawasan luar kelas mereka supaya kelihatan bersih.
2. Borhan melukis dan mewarnakan mural pada dinding kantin sekolah.
3. Chong Wei dan Suhan mengecat dinding bangunan sekolah dengan berhati-hati.
4. Gunalan sedang membersihkan longkang di sekitar kawasan sekolah supaya tidak tersumbat dengan sampah sarap dan daun-daun kering.
5. Soon Long dan Ali menggantungkan papan tanda "Pondok Bacaan" dengan cermat.

Penulisan (Bahagian B)

Gambar menunjukkan cara-cara menjaga alam sekitar. Terdapat banyak cara yang boleh kita lakukan untuk menjaga alam sekitar, antaranya ialah kita hendaklah mempergiatkan kempen kitar semula. Selain itu, kita perlulah mengelakkan pembakaran secara terbuka bagi memastikan udara tidak tercemar. Contohnya, kita boleh menanam sampah sarap di belakang rumah kita. Seterusnya, kita haruslah melakukan penanaman semula pokok bagi menggantikan pokok yang telah ditebang. Kesimpulannya, jelaslah bahawa penjagaan alam sekitar amat penting agar alam sekitar terus terpelihara.

Penulisan (Bahagian C)

Soalan I

Membaca merupakan perkara yang penting dalam kehidupan manusia. Manusia perlu membaca untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Tabiat membaca harus dijadikan suatu kebiasaan dalam hidup kita.

Minat membaca harus disemai dan dipupuk sejak kecil lagi. Ibu bapa perlu mendedahkan anak-anak mereka dengan bahan bacaan seperti buku, majalah, surat khabar dan lain-lain. Hal ini dapat menimbulkan minat membaca dalam diri anak-anak.

Anggota masyarakat juga berperanan untuk menyemai tabiat membaca dalam diri. Mereka perlu menunjukkan contoh yang baik dengan mengamalkan tabiat membaca walau di mana-mana sahaja. Secara tidak langsung, perkara ini akan menjadi ikutan kepada anak-anak.

Selain itu, kerajaan haruslah mempergiatkan pemberian baucar buku kepada para pelajar supaya mereka dapat membeli buku atau bahan-bahan bacaan yang bermanfaat.

Pihak kerajaan juga hendaklah memperbanyak perpustakaan bergerak terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman.

Seterusnya, ahli-ahli jawatankuasa Kelab Rukun Tetangga di semua kawasan perumahan juga perlulah berganding bahu dengan mengadakan kempen membaca pada setiap tahun. Bukan itu sahaja, mereka juga perlu bekerjasama dalam membina satu pondok bacaan yang menyediakan pelbagai jenis bahan bacaan.

Kesimpulannya, usaha yang berterusan daripada semua pihak adalah penting agar kita dapat melahirkan insan yang berilmu.

Soalan 2

Aku mempunyai jiran baharu. Jiranku sudah berkeluarga dan mempunyai seorang anak lelaki yang berumur 10 tahun. Ayah budak itu bekerja sebagai peniaga kecil-kecilan manakala ibunya pula seorang suri rumah tangga sepenuh masa.

Setiap hari, aku terdengar tangisan budak itu tidak kira pada waktu siang atau malam. Aku tidak pasti sebab budak itu sering menangis. Aku juga terdengar budak itu menjerit kesakitan kerana dirotan oleh ayah dan ibunya. Ayah dan ibu budak itu juga sering bertengkar.

Pada suatu hari, semasa ibu budak itu pergi ke kedai, aku menjenguk ke tingkap rumah mereka untuk melihat keadaan budak itu. Alangkah terkejutnya aku apabila melihat seluruh badan budak itu calar-balar dan mukanya lebam. Dia hanya terbaring di atas katil. Aku sangat bersimpati terhadap budak itu.

Aku segera memberitahu ayah dan ibuku tentang keadaan budak itu. Ayah dan ibuku pergi ke rumah jiran kami itu untuk memastikan perkara yang aku sampaikan itu benar. Mereka yakin bahawa budak itu telah didera oleh kedua-dua ibu bapanya.

Ayahku mengambil keputusan untuk melaporkan kejadian itu kepada pihak polis. Lima belas minit kemudian, pihak polis pun tiba. Pada waktu itu, ibu budak itu sudah pulang dari kedai. Pihak polis memeriksa keadaan budak itu dan ternyata benar sekali budak itu telah menjadi mangsa dera ibu bapanya.

Budak itu telah dibawa ke hospital untuk menerima rawatan lanjut. Ayah dan ibu budak itu pula dibawa ke balai polis untuk disoal siasat oleh pihak polis. Pihak polis memuji kami sekeluarga kerana bersikap prihatin terhadap kebajikan jiran yang berada di sekeliling kami.

(Jawapan lain yang bersesuaian untuk Penulisan Bahagian A, B dan C diterima)